

**KESEDIAAN GURU PERMULAAN PENDIDIKAN JASMANI DALAM AMALAN  
PENERAPAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) SEMASA  
MELAKSANAKAN PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC)**

**Teng Siew Lian & Balkaran Arumugam**  
Jabatan Pendidikan Jasmani & Kesihatan

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan kesediaan guru permulaan pendidikan jasmani IPG Kampus Ilmu Khas (Pusat Kecemerlangan KBAT) dengan IPG kampus lain dalam penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) semasa melaksanakan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) pendidikan jasmani (PJ). Responden kajian terdiri daripada 6 guru permulaan IPG Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) dan 6 guru dari lima kampus IPG iaitu Kampus Darul Aman, Kampus Tengku Bainun, Kampus Pendidikan Teknik, dan Kampus Sultan Mizan. Kesemua responden kajian ini merupakan guru PJ yang baharu dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sejak bulan Januari tahun 2017 dan 2018. Soal selidik bentuk skala Likert 5 dan soalan terbuka dilaksanakan secara atas talian bagi mengumpul data demografi responden, sumber tentang informasi KBAT, pengetahuan mereka terhadap KBAT, dan kesediaan untuk menerapkan KBAT dalam PdPc PJ. Keputusan kajian mendapati kesemua responden telah menerima pendedahan tentang KBAT sama ada dari kursus yang dihadiri di kampus IPG masing-masing (8/12), daripada kuliah pensyarah (2/12) ataupun dari laman sesawang (2/12). Responden IPGKIK berpendapat bahawa kursus KBAT di kampus sangat membantu mereka dalam PdPc ( $\bar{x} = 4.5$ ) berbanding dengan responden dari 5 IPGK lain ( $\bar{x} = 4.0$ ). Dalam aspek pengetahuan terhadap KBAT dan amalan penerapan KBAT, min antara dua kumpulan responden agak sama iaitu 4.0 dan 3.9 untuk responden IPGKIK dan 3.9 dan 4.0 untuk kumpulan IPGK lain. Namun, responden IPGKIK dapat menyatakan strategi dengan menggunakan alat pemikiran dan kata kerja berdasarkan Taksonomi Bloom secara lebih berkesan untuk membudayakan KBAT dalam PdPc. Kajian lanjutan harus dilakukan bagi meningkatkan kesahan kajian ini.

Kata kunci: Guru permulaan, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc)